

Hujan lebat luar biasa tenggelamkan puluhan kereta

Johor Bahru 'lumpuh' akibat banjir kilat

Oleh **NURUL HUDA HASSAN**

huda.hassan@utusan.com.my

■ **JOHOR BAHRU 16 NOV.**

HUJAN lebat lebih sejam yang melanda menyebabkan beberapa jalan utama di sekitar bandar raya ini lumpuh akibat dilanda banjir kilat dan menenggelamkan puluhan kenderaan, hari ini.

Antara jalan yang dinaiki air setinggi kira-kira 1.5 meter itu adalah Jalan Wong Ah Fook yang menjadi tumpuan orang ramai dan di mana terletak pusat beli-belah utama, Komtar JBCC dan City Square.

Berdasarkan pemantauan menerusi kamera litar tertutup (CCTV) Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB), turut terjejas dalam banjir itu ialah Jalan Meldrum, Jalan Siu

Chin, Jalan Sulaiman, kawasan Stulang Darat dan Nong Chik.

Ketua Polis Daerah Johor Bahru Selatan, Asisten Komisioner Sulaiman Salleh berkata, hujan lebat luar biasa bermula pukul 12 tengah hari dan berlarutan selama sejam setengah itu turut menenggelamkan kereta orang awam yang terperangkap.

"Dianggarkan 20 kenderaan dipercayai terperangkap dalam banjir kilat setinggi 1.5 meter atau paras pinggang, namun tiada sebarang kemalangan jiwa dilaporkan," katanya dalam satu kenyataan, di sini.

Ekoran kejadian itu, Jalan Wong Ah Fook dan jalan berdekatan yang menghala ke Komtar JBCC dan City Square itu ditutup dan pengguna jalan raya dinasihatkan mencari jalan alternatif, katanya.

Bagaimanapun, banjir kilat di

kawasan tersebut dilaporkan mulai surut pukul 2.15 petang dan jalan satu lorong sudah mula dibuka kepada lalu lintas.

Beliau meminta pengguna jalan raya mematuhi arahan polis bagi mengelakkan sebarang kejadian tidak diingini berlaku.

Sementara itu, Pegawai Operasi Bomba dan Penyelamat daerah, Pegawai Bomba Kanan II Khairul Azhar Aziz memaklumkan, pihaknya turut membantu mengeluarkan tiga mangsa yang terperangkap di dalam kereta di Jalan Wong Ah Fook.

Selepas menyelamatkan tiga mangsa tersebut, pihaknya terus melakukan tinjauan di beberapa tempat letak kereta bawah tanah, antaranya di Komtar JBCC, Public Bank dan Merlin Tower bagi memastikan tidak ada mangsa yang terperangkap.



KEADAAN sekitar Jalan Wong Ah Fook yang dilanda banjir kilat menyebabkan beberapa kenderaan ditenggelami air di Johor Bahru, semalam.